



KENYATAAN MEDIA

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mengutuk sekeras-kerasnya kesemua insiden polemik perkauman dan agama yang mengganggu gugat keharmonian rakyat. Sejak beberapa minggu ini, negara terus menerus dilanda dengan pelbagai insiden berhubung sensitiviti agama dan perkauman termasuk baru-baru ini di KK Mart, Kuching yang disebabkan oleh individu-individu tidak bertanggungjawab. Pihak berkuasa khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang melanggar undang-undang untuk di bawa ke muka pengadilan. Pihak yang terlibat perlu dihukum dengan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada semua pihak.

Kedua-dua Menteri memberikan amaran tegas kepada kesemua individu agar tidak sama sekali mencetuskan polemik perkauman yang lampau sehingga mewujudkan ketegangan sosial dalam kalangan rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya di Malaysia. Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dirusetiakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia akan mengadakan mesyuarat tergepar bagi membincangkan situasi ini dan mengambil langkah-langkah segera dalam menjamin keharmonian rakyat dan negara.

Selain itu, kedua-dua Menteri juga mengulangi pendirian menggesa agar tidak ada pihak yang mencetuskan perkara menyentuh sensitiviti agama dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan. Masyarakat perlu sentiasa memupuk dan mengamalkan nilai-nilai hidup yang merupakan tanggungjawab setiap rakyat bagi melindungi serta mempertahankan kestabilan dan keselamatan negara daripada sebarang ancaman perbalahan, provokasi serta permusuhan.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

**YB SENATOR DATO' SETIA DR MOHD NA'IM
HAJI MOKHTAR**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)